


# Kerjasama dua hala dipertingkat

BH - 21/5/2007.



Azmi  
Md Deros  
di Tokyo, Jepun

**L**AWATAN kerja lima hari Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke Tokyo mulai hari ini, akan meningkatkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi yang sedia kukuh antara Kuala Lumpur-Tokyo.

Sebagai gergasi ekonomi di Asia sejak beberapa dekad lalu, Jepun masih relevan sebagai sahabat yang banyak membantu memajukan ekonomi Malaysia, khususnya dalam sektor pembuatan, perindustrian, perdagangan dan pendidikan.

Justeru, hubungan yang terjalin sekian lama wajar diperteguhkan untuk masa depan kedua-dua negara.

Mengikut statistik Lembaga Kemaajuan Perindustrian Malaysia (Mida), pelaburan Jepun di Malaysia mampu mencecah angka RM50 bilion akhir tahun ini berdasarkan hubungan dan kerjasama kukuh kedua-dua negara.

Sehingga Februari lalu, pelaburan Jepun di negara kita, mencapai RM49.1 bilion, sekali gus menjadikan negara itu sebagai sumber pelaburan langsung asing (FDI) terbesar bagi Malaysia. Statistik itu jelas meng-

gambarkan betapa pentingnya pelaburan Jepun kepada ekonomi Malaysia, sekali gus menyediakan banyak peluang pekerjaan kepada rakyat.

Bagi Jepun, Malaysia juga adalah rakan perdagangan yang tidak kurang pentingnya. Ia terbukti apabila hubungan dagangan antara Jepun dengan Malaysia adalah cukup besar. Sebagai contoh, Jepun memerlukan Malaysia untuk membekalkan sumber tenaga yang penting untuk sektor perindustrian, iaitu gas asli cecair (LNG).

Malah, kesediaan Jepun menempatkan banyak syarikat multinasionalnya di Malaysia membuktikan keyakinan teguh gergasi ekonomi itu

terhadap iklim ekonomi dan sosio politik negara yang stabil.

Sepanjang berada di Jepun, Abdullah antara lain akan mengadakan pertemuan empat mata dengan rakan sejawatnya, Shinzo Abe bagi membincangkan pelbagai isu meliputi hubungan dua hala, serantau dan antarabangsa bagi kepentingan kedua-dua negara.

Perdana Menteri juga dijangka dikurniakan Ijazah Doktor Kehormat oleh Universiti Meiji, selain melawat Pusat Angkasa Lepas Tsukuba (Agensi Explorasi Angkasa Jepun), menyampaikan ucapan tama pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-13 yang bertajuk 'Masa depan Asia-memperdalamkan kerjasama bagi mewujudkan komuniti sebenar' yang dianjurkan akhbar *Nihon Keizai Shimbun*, sebuah akhbar perniagaan berpengaruh di Jepun.

Ini adalah kali keempat Abdullah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan tama pada persidangan itu yang memberi kesempatan kepada Perdana Menteri meluahkan pandangannya mengenai masa depan Asia dan pengalaman Malaysia kepada pelabur, ahli akademik dan ahli perniagaan.

Perdana Menteri juga dijadualkan menghadiri perjumpaan dengan pelajar Malaysia di Osaka.

## FAKTA NOMBOR

### Kerjasama dua negara

# RM4.4b

Pelaburan Jepun di Malaysia 2006

# 5

Lawatan Abdullah sejak jadi Perdana Menteri